

EMBARGO

**TEKS UCAPANINI TIDAK
DIBENARKANSAMA SEKALI UNTUK
DIHEBAHKANKEPADAUMUM
SEHINGGA IANYA DIBENTANGKAN
DI DALAM MESYUARAT MAJLIS
KHAS (BAJET 2019) PADA
8 OKTOBER 2018
JAM 10.30 PAGI**

Mas 7/2/19
MARZIAH BINTI BASIR
Penolong Aktauntan
Jabatan Perbadanan
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

UCAPAN

BAJET

TAHUN 2019

UCAPAN BAJET 2019

1. PENDAHULUAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum w.b.t,

- 1.1 Alhamdulillah saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana atas limpah kurnia, rahmat serta izin-Nya yang membolehkan kita berkumpul pada hari ini untuk saya membentangkan Bajet Majlis Bandaraya Petaling Jaya bagi tahun 2019.

- 1.2 Penyediaan Bajet 2019 telah mengambil pendekatan yang berbeza berbanding tahun sebelumnya di mana Majlis telah membuka ruang kepada seluruh 'stakeholder' di Petaling Jaya untuk memberikan sebarang bentuk cadangan dan idea kepada Majlis untuk dilaksanakan pada tahun 2019. Sehubungan itu, satu bengkel perjumpaan telah diadakan pada 1 Julai 2018 bersama dengan Persatuan Penduduk/Kawasan Rukun Tetangga/ NGO sebagai permulaan proses penyediaan Bajet 2019. Bengkel tersebut juga turut melibatkan semua Ahli-Ahli Majlis MBPJ, Ahli Dewan Undangan Negeri dan juga Ahli Parlimen di dalam kawasan Petaling Jaya.

- 1.3 Majlis juga telah membuka sebuah *portal* khas bagi Cadangan Bajet 2019 bermula 12 Jun 2018 hingga 15 Julai 2018 untuk memastikan semua ‘stakeholder’ dan semua pihak dapat terlibat dan tampil memberikan input, cadangan, idea serta maklumbalas secara atas talian ‘online’ sebagai persediaan maklumat penyediaan Bajet 2019 Majlis.

- 1.4 Kedua-dua bengkel dan *portal* khas Cadangan Bajet 2019 yang disediakan memfokuskan kepada lapan kategori utama iaitu cadangan pembangunan infrastruktur seperti jalanraya, lampu jalan dan lalulintas, saliran, cerun serta kemudahan awam. Selain itu, cadangan berhubung perkhidmatan landskap, pembangunan sisa pepejal dan pembersihan awam, kesihatan persekitaran serta keselamatan dan pembangunan kemasyarakatan juga disediakan.

- 1.5 Perbincangan secara terperinci di antara Ketua-Ketua Jabatan, pegawai-pegawai Majlis bersama Timbalan Datuk Bandar telah diadakan pada 1 hingga 7 Ogos 2018. Seterusnya, Bengkel Semakan Bajet 2019 bersama YBhg. Datuk Bandar telah diadakan pada 8 hingga 10 Ogos 2018. Manakala pembentangan Draf Bajet 2019 yang memfokuskan kepada Perbelanjaan Pembangunan telah diadakan pada 20 September 2018 bersama Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Landskap dengan semua Ahli Majlis. Seterusnya, pada 3 Oktober 2018, ianya telah dibincangkan secara terperinci di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Khas

(Bajet 2019). Justeru itu, pada hari ini saya membentangkan Bajet 2019 untuk kelulusan Majlis sebelum ia dikemukakan ke peringkat Kerajaan Negeri Selangor untuk kelulusan.

- 1.6 Bajet 2019 telah disediakan dengan teliti dan telah mengambil kira pandangan, saranan, aduan serta maklumbalas daripada penduduk dan pelbagai pihak termasuklah Ahli Majlis, wakil rakyat, persatuan penduduk, NGO dan sebagainya. Setiap permohonan yang diterima telah diteliti, dikaji dan diambil kira di dalam permohonan bajet jabatan. Jabatan-jabatan telah dipertanggungjawabkan untuk menentukan keutamaan projek yang akan dilaksanakan supaya segala keperluan dan kemudahan yang disediakan adalah yang terbaik untuk penduduk Petaling Jaya.

- 1.7 Fokus Majlis bagi Bajet 2019 adalah untuk mengurangkan *defisit*. Majlis telah melaksanakan bajet *defisit* mulai tahun 2013. Daripada tahun 2013 hingga tahun 2016, peratusan *defisit* Majlis adalah sekitar 11% berbanding jumlah hasil. Walau bagaimanapun, pada tahun 2017, peratusan bajet *defisit* Majlis adalah sebanyak 21.36% dengan *defisit* berjumlah RM84.40 juta. Manakala pada tahun 2018, Majlis masih melaksanakan bajet *defisit* sebanyak 16.31% dengan jumlah *defisit* sebanyak RM68.59 juta. Perbelanjaan yang besar ini perlu disediakan bagi membaiki dan menyelenggara kemudahan awam untuk menghadapi musim pilihanraya. Majlis perlu memberi fokus bagi merealisasikan program-program merakyatkan penduduk Petaling Jaya, membaiki dan

menyelenggara serta menaiktaraf kemudahan awam, meningkatkan kebersihan dan sebagainya. Berikutan jumlah *defisit* yang tinggi sebelum ini, kewangan Majlis mengalami penyusutan di dalam rizab tunai. Oleh itu, bagi mempastikan rizab tunai berada di dalam keadaan yang lebih baik, Majlis perlu mengurangkan *defisit* bajet 2019 berbanding *defisit* bajet tahun 2017 dan 2018.

- 1.8 Rizab tunai yang ada tidak boleh dibelanjakan sepenuhnya untuk projek pembangunan kerana Majlis perlu mempunyai rizab mencukupi bagi menampung apa-apa liabiliti luar jangka seperti kes tindakan mahkamah yang kemungkinan akan dikenakan ke atas Majlis di kemudian hari. Oleh itu jumlah *defisit* yang disediakan di dalam Bajet 2019 adalah tidak melebihi 10% berbanding dengan jumlah kutipan hasil Majlis tahun 2019.

- 1.9 Majlis juga memutuskan bagi mana-mana perbelanjaan pembangunan yang penting, ianya akan ditampung melalui peruntukan Akaun Amanah. Oleh itu, projek-projek pembangunan Majlis yang dikenalpasti akan dilaksanakan seperti biasa menggunakan peruntukan Majlis ataupun peruntukan Akaun Amanah seperti yang dinyatakan di dalam Surat Ikatan Amanah. Pada tahun 2019 juga, dijangka kutipan hasil Majlis akan mengalami penurunan berbanding dengan jumlah hasil tahun 2018. Bagi memastikan simpanan rizab ini dapat ditingkatkan dan diperkuuhkan kembali, Majlis akan mengambil langkah-langkah penjimatan ke atas kos

pentadbiran dan pengurusan yang akan dilaksanakan seperti menghadkan pengambilan jawatan kakitangan kontrak.

- 1.10 Walaupun Majlis meneruskan penyediaan bajet *defisit*, Majlis berhasrat untuk menyediakan bajet yang dapat memenuhi semua kehendak penduduk Petaling Jaya. Selaras dengan itu, *defisit* sebanyak RM37.25 juta ini merupakan angka yang paling maksimum yang boleh disediakan oleh Majlis. Majlis telah menetapkan siling *defisit* tidak melebihi 10% berlandaskan kepada dua faktor kemampuan utama Majlis iaitu, kedudukan rizab tunai Majlis dan kemampuan pegawai serta kakitangan untuk melaksanakan projek yang dicadangkan. Oleh itu, pegawai dan kakitangan Majlis telah diberi amanat dan tanggungjawab supaya melaksanakan kerja sebaik mungkin dan menyusun semula proses kerja mereka agar segala permohonan yang dikemukakan oleh *stake holder* mampu dilaksanakan dan dapat diselesaikan sepenuhnya pada tahun 2019.

- 1.11 Oleh kerana cadangan Bajet 2019 disediakan untuk mengurangkan *defisit*, maka projek-projek yang akan dilaksanakan pada tahun 2019 adalah berdasarkan kepada keutamaan yang ditentukan oleh jabatan-jabatan yang bertanggungjawab. Ingin saya tegaskan di sini bahawa, Bajet 2019 tidak akan diagihkan mengikut zon Ahli Majlis, tetapi diambilkira mengikut keperluan utama di seluruh Petaling Jaya.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

2. TEMA BAJET 2019

- 2.1 Pada tahun 2019, Majlis akan melaksanakan tindakan-tindakan untuk mengukuhkan lagi kedudukan kewangan Majlis. Tahap pembangunan di sebahagian besar kawasan Petaling Jaya telah mencapai tahap tepu ‘*saturated*’, manakala kutipan hasil Majlis juga tidak banyak dapat ditambah. Oleh itu, Majlis perlu merancang dan memanfaatkan semaksima mungkin kutipan hasil yang diperolehi.
- 2.2 Walaupun punca hasil Majlis dijangka tidak akan meningkat pada tahun 2019, Majlis akan terus berusaha untuk mempastikan sumber hasil sediada diperbaiki dan dipertingkatkan lagi dari segi tatacara kutipan. Bagi kutipan hasil cukai, Majlis akan terus memburu penunggak-penunggak cukai tegar dengan cara yang lebih kreatif seperti menghubungi dan mengunjungi premis mereka dengan lebih kerap melalui pasukan operasi ‘*task force*’ cukai. Manakala bagi kutipan hasil bukan cukai pula, hasil kutipan seperti sewaan, lesen, denda dan kompaun disasarkan dapat dikutip sepenuhnya berdasarkan bajet yang telah disediakan demi memastikan kewibawaan Majlis dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk tidak terjejas.

- 2.3 Untuk mencapai matlamat yang dapat meng'optimum'kan perbelanjaan, Majlis akan terus menumpukan sebahagian besar perbelanjaan kepada kerja-kerja membaikpulih infrastruktur yang telah lama dan usang. Peruntukan yang lebih besar akan disediakan kepada kerja-kerja menurap semula jalanraya dan lalulintas, membaiki lampu jalan, saliran, cerun serta kemudahan awam. Di samping itu, Majlis juga telah menyediakan peruntukan untuk program pengurusan alam sekitar, taman-taman, padang-padang dan pengindahan landskap di kawasan Petaling Jaya.
- 2.4 Projek *Smart PJ* juga akan terus dilaksanakan pada tahun 2019 bertujuan untuk mewujudkan sistem pentadbiran yang telus dan efisyen merangkumi aspek kewangan, penguatkuasaan, kebersihan, pengurusan lalulintas, kawalan dan pengurusan keselamatan, perancangan guna tanah dan lain-lain data serta analisa di setiap *dashboard* yang telah ditetapkan. Ini secara langsung akan memberi kesan kepada kebijakan dan kesejahteraan komuniti Petaling Jaya. Matlamat Majlis sebelum ini untuk menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandaraya pintar boleh dilihat berdasarkan kepada kecekapan pengurusan dan penambahbaikan kualiti perbandaran serta peningkatan kualiti hidup penduduk di Petaling Jaya pada masa akan datang.

- 2.5 Bajet Majlis Bandaraya Petaling Jaya 2019 disediakan bertujuan untuk mengukuhkan kembali kedudukan kewangan Majlis tanpa mengenepikan perlaksanaan projek-projek pembangunan. Dengan itu, tema '**PEMBANGUNAN BERHEMAH, KESEJAHTERAAN PETALING JAYA**' telah dipilih sebagai tema Bajet tahun 2019. Berlandaskan tema ini, Majlis akan berusaha dengan lebih gigih lagi bagi memastikan sumber kewangan yang diperolehi digunakan secara berhemah demi mempastikan kesejahteraan dan kelestarian Bandaraya Petaling Jaya. Amalan berbelanja secara berhemah tanpa mengenepikan perbelanjaan-perbelanjaan yang penting dan tetap memberi fokus kepada belanja mengurus serta belanja pembangunan menjadi penentu untuk Majlis mencapai matlamat mengekalkan Petaling Jaya sebagai sebuah bandaraya yang mampan.
- 2.6 Bagi merealisasikan tema tersebut, matlamat Bajet 2019 disediakan untuk mencapai perkara-perkara seperti berikut:-
- 2.6.1 Memperkuuhkan punca-punca hasil Majlis dan menurunkan tunggakan
 - 2.6.2 Melaksanakan projek-projek pembangunan mengikut keutamaan yang dapat memenuhi semua kehendak penduduk Petaling Jaya
 - 2.6.3 Meningkatkan keindahan dan kebersihan kawasan Petaling Jaya terutamanya di pusat-pusat bandar dan kawasan membangun

2.6.4 Meningkatkan keselamatan awam dan pembangunan kemasyarakatan ke arah matlamat bandaraya pintar dan kesejahteraan komuniti Petaling Jaya

3. ANUGERAH-ANUGERAH YANG DITERIMA PADA TAHUN 2018

- 3.1 Pada tahun 2018, Majlis terus mencipta nama di dalam beberapa pertandingan dan aktiviti yang telah disertai. Di antara anugerah-anugerah yang telah diterima oleh Majlis pada tahun 2018 adalah seperti berikut:-
- i. Anugerah Komuniti 2017 daripada Rumah Kelab Persatuan Alumni Universiti Malaya pada 26 April 2018
 - ii. Anugerah '*Honour Award Government Category Green Initiatives Award Agrobox Malaysia Landscape Architecture Awards 2017*' pada 21 April 2018
 - iii. Anugerah *Royal Floria Eco Friendly Garden Award 2018* di dalam Pertandingan Pameran Taman sempena Festival Floria Diraja Putrajaya pada 2 September 2018

- iv. Anugerah *Royal Floria Garden Award 2018* di dalam Pertandingan Pameran Taman sempena Festival Floria Diraja Putrajaya pada 2 September 2018
- v. Anugerah *Royal Floria President's Award 2018* di dalam Pertandingan Pameran Taman sempena Festival Floria Diraja Putrajaya pada 2 September 2018
- vi. Menerima pengiktirafan *MSOSH OSH Silver Award Winner for 2017* daripada *Malaysian Society for Occupational Safety and Health (MSOSH)* pada 9 Ogos 2018 dan seterusnya menjadi PBT pertama di Malaysia yang telah menerima anugerah ini bagi kategori “*Public Sector & Statutory Bodies*”.
- vii. Mengelakkan pensijilan *ISO/IEC 27001:2013 ISMS (Information Security Management System)* dari *SIRIM QAS International Sdn. Bhd.* yang diterima pada 22 Oktober 2015. Tamat tempoh sijil akan berakhir pada 21 Oktober 2018.
- viii. Memenangi tempat ke tiga bagi Kategori Inovasi Sosial (Penciptaan) oleh Kumpulan VERT, Jabatan Kawalan Bangunan di Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor 2018 pada 27 September 2018.

ix. Memenangi Naib Juara di dalam Kategori Sungai untuk Program Sungai dan Pantai Angkat Negeri Selangor 2017 (Sungai Way Petaling Jaya) pada 30 September 2018.

3.2 Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan terus komited dalam memberi perkhidmatan yang terbaik buat penduduk Petaling Jaya. Majlis amat berharap melalui anugerah-anugerah yang diterima setakat ini akan dapat membantu memudahkan urusan kerja dan mempertingkatkan produktiviti Majlis.

4. FOKUS BAJET 2019

4.1 Hasil daripada bengkel perjumpaan bersama Persatuan Penduduk/Kawasan Rukun Tetangga/NGO serta Ahli-Ahli Majlis MBPJ, Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Petaling Jaya dan juga Ahli Parlimen kawasan Petaling Jaya yang telah diadakan pada 1 Julai 2018, perkara utama yang telah dirumuskan dan perlu dilaksanakan oleh Majlis melalui Bajet 2019 mengikut kehendak penduduk adalah seperti berikut :-

i. Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan infrastruktur jalan, kelancaran aliran trafik, kebersihan longkang, menaiktaraf kemudahan awam dan lain-lain yang berkaitan,

- ii. Memantau pengurusan kutipan sisa pepejal dari segi kutipan sampah domestik dan pengurusan pembersihan awam bagi memastikan kawasan Petaling Jaya sentiasa bersih dan indah,
 - iii. Menjamin keselamatan bandar yang bebas daripada ancaman jenayah, keselamatan infrastruktur, persekitaran serta keselamatan ancaman siber yang memerlukan kerjasama penduduk, dan
 - vi. Meningkatkan penjagaan kualiti alam sekitar supaya kekal hijau dan indah dari segi kawalan terhadap pencemaran, penjagaan dan membaikpulih kawasan hijau, meningkatkan kesedaran penjagaan kesihatan serta mengurangkan kacau ganggu haiwan liar.
- 4.2 Sehubungan itu, bagi memastikan prestasi perkhidmatan Majlis sentiasa dapat ditingkatkan, fokus Bajet tahun 2019 adalah untuk memberi keutamaan kepada program-program seperti berikut:-
- 4.2.1 Menaiktaraf pengurusan infrastruktur dan kemudahan awam,
 - 4.2.2 Memantau pengurusan kutipan sisa pepejal, pembersihan dan kesihatan persekitaran,
 - 4.2.3 Mempertingkatkan pengurusan keselamatan bandar, sosial dan kemasyarakatan, dan
 - 4.2.4 Meningkatkan pengurusan alam sekitar, taman, padang dan landskap.

4.2.1 Menaiktaraf Pengurusan Infrastruktur Dan Kemudahan Awam

Sebahagian besar daripada peruntukan perbelanjaan Majlis akan digunakan untuk program penyelenggaraan terutamanya bagi menyediakan infrastruktur yang lebih efisien untuk mengurangkan kos kendalian Majlis di masa akan datang. Masalah-masalah perbandaran seperti kesesakan lalulintas, banjir kilat, jalan-jalan dan parit yang tidak diselenggarakan dengan baik, kemudahan awam yang dirosakkan masih menjadi masalah utama kepada penduduk yang perlu diselesaikan oleh Majlis. Berdasarkan masalah yang dihadapi tersebut, Majlis perlu melaksanakan program-program membaikpulih dan menyelenggara secara berperingkat-peringkat di seluruh kawasan Petaling Jaya selaras dengan keperluan Sistem Perancangan Pengangkutan Petaling Jaya menjelang tahun 2030.

Pada tahun 2019 juga Majlis akan meneruskan pembangunan infrastruktur dan utiliti hijau seperti pengurusan sistem saliran yang mesra alam dan pada masa yang sama mengurangkan impak pembangunan dengan meminimumkan pencemaran alam sekitar serta menaiktaraf sistem pengurusan aset jalan, menaiktaraf kemudahan awam seperti menaiktaraf padang dan dewan-dewan, menaiktaraf kemudahan perniagaan seperti pasar dan gerai serta lain-lain yang berkaitan.

Perkara utama yang akan diambil tindakan bagi program ini adalah:-

- a. Cadangan tebatan banjir dan menaiktaraf saliran serta penyelenggaraan longkang bagi mengatasi masalah banjir kilat di Petaling Jaya.
- b. Menambahbaik perkhidmatan bas percuma
- c. Menaiktaraf lampu-lampu jalan dan lampu isyarat di sekitar Petaling Jaya.
- d. Menaiktaraf kompleks sukan
- e. Membaiki tapak siarkaki dan bebendul
- f. Menaiktaraf kemudahan perniagaan, dewan, pasar dan gerai
- g. Menyelenggara dan menaiktaraf cerun
- h. Membangunkan sistem pengurusan aset jalan

Di samping itu, pada tahun 2019, Majlis akan menyediakan peruntukan khusus untuk kerja-kerja Persatuan Penduduk berjumlah RM3.0 juta. Melalui peruntukan ini, Persatuan-Persatuan Penduduk yang berdaftar dengan Majlis boleh memohon menggunakan peruntukan ini untuk kerja-kerja menaiktaraf kemudahan infrastruktur serta kemudahan awam yang dikenalpasti di kawasan mereka, tertakluk kepada kelulusan Majlis.

4.2.2 Memantau pengurusan kutipan sisa pepejal, pembersihan dan kesihatan persekitaran

Pengurusan perkhidmatan kutipan sampah domestik dan pembersihan awam di kawasan pentadbiran Majlis telah diambilalih oleh *KDEB Waste Management* (KDEBWM) yang merupakan syarikat *Project Management Company (PMC)* dan anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor mulai 1 Ogos 2018. Sehingga kini, kesemua 17 kawasan perkhidmatan kutipan sampah domestik dan 68 kawasan pembersihan awam telah diambilalih dan baki 29 kawasan pembersihan awam akan diserahkan secara berperingkat kepada KDEBWM. Bagi tujuan ini, Majlis akan membelanjakan RM55 juta setahun, iaitu RM 24.97 juta bagi kutipan sampah domestik dan RM30.30 juta bagi kos pembersihan awam. Bayaran ini merupakan tambahan sebanyak 24.66% ataupun RM10.93 juta. Dengan penstrukturkan semula pengurusan perkhidmatan di seluruh Negeri Selangor termasuk Majlis, perubahan paradigma ke atas pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Majlis turut akan diperkasakan. Bagi komponen pengurusan sisa pepejal, Majlis menerusi Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam akan memberi fokus kepada menyelesaikan cabaran mengurangkan penggunaan bahan dan penjanaan sampah, penstoran dan rawatan menerusi strategi 3R dan aplikasi teknologi hijau. Manakala, pembersihan pula diubah kepada pemantauan dan pemeliharaan kebersihan, dalam

maksud lain memastikan tahap kebersihan dan keceriaan bandar dipertingkatkan.

Tahun 2019 akan menyaksikan pengurusan 3R diperkasakan dan diperluaskan skop definisi ekonomi kitaran ataupun *circular economy* seperti termaktub di bawah perenggan 70, *New Urban Agenda*, liputan kawasan, kumpulan sasaran dan barang kitar semula. Selain daripada barang kitar semula seperti kertas, aluminium, logam dan kaca yang biasa dikutip, bahan lain seperti kotak minuman, *styrofoam*, minyak masak terpakai, sisa kelapa dan sisa elektrik isirumah turut diberi perhatian. Dalam pada itu, bagi mencapai 30% kadar kitar semula di kalangan masyarakat Petaling Jaya, kawasan perumahan bertingkat termasuk perumahan kos rendah akan diberi perhatian.

Kempen promosi 3R akan diperhebahkan lagi di mana usahasama yang dijalin selama ini dengan NGO dan sektor swasta akan dipertingkatkan di samping penubuhan Bahagian 3R, satu bahagian khusus dan baru di bawah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam menunjukkan kesungguhan dan komitmen Majlis dalam memperkasakan program 3R dan memperkenalkan konsep *circular economy*. Konsep ini menyarankan penggunaan sumber secara optima, pengurangan pembaziran dan penggunaan semula sisa daripada proses pengeluaran dan selepas hayat hidup barang. Ini bukan saja terhad kepada sisa

sampah, tetapi sumber lain seperti tenaga dan air. Majlis memperuntukkan RM200,000 dalam program publisiti dan kempen.

Bagi memperkasakan lagi pengasingan sampah domestik yang berbahaya terutamanya sisa elektrik isirumah seperti bateri, alat elektrik rumah, lampu dan *bulb* di bawah strategi 3R, Majlis menerusi program CSR memperuntukkan RM150,000 bagi memperkenalkan skim kitar semula *household E-Waste* secara berperingkat. Skim ini diharap akan dapat mendidik masyarakat berkenaan kepentingan sisa elektrik isirumah yang membahayakan pekerja serta mencemar tapak pelupusan dan alam sekitar jika tidak diasingkan dengan sisa domestik.

PJ Eco Recycling Plaza di SS8 juga dijangka akan beroperasi sepenuhnya menjelang penggal ketiga tahun 2019. Plaza ini ditransformasikan daripada bangunan lama pasar yang akan dijadikan satu pusat sehenti 3R dan makmal *circular economy*. Plaza ini menyediakan perkhidmatan pengutipan barang kitar semula, kelengkapan bengkel *upcycling*, galeri pameran dan jualan serta kemudahan pembelajaran, seminar dan latihan. Majlis mengharapkan program ini akan menjadi satu tanda aras 3R Petaling Jaya dan seterusnya dibawa ke peringkat antarabangsa. Bagi tujuan ini, sejumlah RM250,000 diiperuntukkan di samping sumbangan daripada agensi dan sektor korporat lain. Selain itu, pendekatan rawatan sisa di punca secara setempat juga diberi penekanan di mana pusat rawatan sisa berskala

mikro seperti pengkomposan sisa organik dengan menggunakan teknologi *Waste to Energy* seperti arahan Kerajaan Negeri Selangor akan diwujudkan di samping rawatan jenis sisa lain. Bagi tujuan ini, sejumlah RM1.0 juta akan diperuntukan pada tahun 2019.

Selain itu, program transformasi kebuk sampah sebagai tempat kitar semula di perumahan kos rendah dan komersial berstrata kepada pusat aset masyarakat yang dihiasi dengan *mural art* dan landskap, program Duta PJ Bersih sebagai perantara dan agen perubahan masyarakat dalam menjaga kebersihan, program bandaraya berkarbon rendah menerusi pemasangan lampu LED, sistem *electricity auto metering* di Menara MBPJ, skim rebat cukai taksiran kepada rumah mesra alam, skim meletak kereta secara percuma selama 1 tahun bagi pembeli kereta *hybrid* atau elektrik, pengkomposan sisa, penghijauan bandar dan *eco mobility*, program *Low Carbon Cities Framework Petaling Jaya* akan diteruskan pada tahun 2019. Kerjasama dengan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim secara *co-financing* dalam *Projek Green Technology Application For Low Carbon Cities* juga akan dilaksanakan pada tahun 2019.

4.2.3 Program Pengurusan Keselamatan Bandar, Sosial Dan Kemasyarakatan

Majlis melalui *Pelan Induk Keselamatan Petaling Jaya 2015-2020* akan memperkasakan tahap keselamatan kawasan Petaling Jaya merangkumi

aspek keselamatan secara menyeluruh iaitu Keselamatan Persekutaran, Keselamatan Infrastruktur, Keselamatan Digital dan Pengurusan Keselamatan/ Penguatkuasaan. Program ‘*Community Policing*’. Pelan ini dilihat mampu untuk mengeratkan lagi hubungan dan kerjasama erat di antara penduduk dengan Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan lain-lain agensi keselamatan.

Program Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) yang berkonsepkan penglibatan awam/ komuniti “*public engagement*” adalah merupakan inisiatif Majlis ke arah melestarikan kehidupan penduduk di Petaling Jaya. Program PKKPJ telah memberikan impak perlaksanaan yang baik melibatkan isu keselamatan penduduk seriring dengan Pelan Induk Keselamatan Petaling Jaya yang mempunyai 4 fokus utama iaitu Keselamatan Persekutaran, Keselamatan Infrastruktur, Keselamatan Digital dan Pengurusan Penguatkuasaan/ Keselamatan.

Pada tahun 2018, sebanyak 131 permohonan telah diterima iaitu 81 permohonan daripada Persatuan Penduduk (RA), 33 permohonan daripada Rukun Tetangga (RT) dan 17 permohonan daripada Badan Pengurusan Bersama (JMB) telah menerima peruntukan bagi menyemarakkan lagi program keselamatan yang berkonsep serta bercirikan penglibatan komuniti setempat seperti aktiviti rondaan keselamatan.

Penggunaan portal PKKPJ yang telah dibangunkan pada awal tahun 2018 telah memberikan kemudahan kepada komuniti dalam proses permohonan, pelaporan dan semakan. Ianya selari dengan matlamat dan harapan menjadikan MBPJ sebuah bandaraya pintar, mampu dan berdayatahan yang seterusnya membawa kepada pencapaian serta memenuhi keperluan pembangunan masyarakat yang berdayatahan.

Menyedari kepentingan dan kejayaan perlaksanaan program ini, pihak Majlis telah memperuntukkan sejumlah RM1.5 juta pada tahun 2019 untuk Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga dan Badan Pengurusan yang layak dan memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Selain itu, pihak Majlis akan terus memberikan sokongan kepada Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga dan Badan Pengurusan untuk bersama-sama dengan pihak Majlis melaksanakan Program Keselamatan Komuniti berpaksikan perkongsian dan percambahan idea, inisiatif dan inovasi baru yang boleh memberikan impak positif kepada masyarakat khususnya berkaitan dengan keselamatan kejiranannya setempat.

Seterusnya, latihan dan perundingan bagi pelaksanaan sistem pengurusan keselamatan persekitaran dan infrastruktur berdasarkan Pensijilan Siri Penilaian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan OHSAS 45001 : 2018 Standard bagi membantu MBPJ dalam melaksanakan audit

keselamatan bagi projek-projek pembangunan dan infrastruktur di Petaling Jaya akan terus dilaksanakan pada tahun 2019. Unit Audit Keselamatan MBPJ akan berperanan menjalankan tugas-tugas audit bagi aspek keselamatan projek-projek pembangunan dan infrastruktur seperti jalanraya, laluan pejalan kaki, laluan basikal, penanaman pokok dan landskap, pemasangan CCTV, pencahayaan, keselamatan tempat letak kenderaan dan rekabentuk bangunan.

Dari segi keselamatan digital pula, antara strategi dan tindakan yang akan diambil Majlis adalah menjalinkan usahasama dengan Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM) & CyberSecurity Malaysia bagi mewujudkan kesedaran keselamatan siber kepada penduduk Petaling Jaya. Sasaran khusus adalah kepada golongan masyarakat yang paling terdedah kepada jenayah salah laku siber iaitu golongan muda.

4.2.4 Program Pengurusan Alam Sekitar, Taman, Padang Dan Landskap

Pada tahun 2019, Majlis akan meneruskan pelaksanaan program pengindahan dengan merujuk kepada Pelan Induk Landskap selaras dengan dasar Majlis menjadikan Petaling Jaya Bandaraya Dalam Taman dan Bandar Berkarbon Rendah. Ia adalah suatu inisiatif Majlis untuk menangani kesan perubahan iklim dan pada masa yang sama

menjadikan Petaling Jaya bandar mampan. Di antara program-program yang akan dilaksanakan pada tahun 2019 adalah seperti berikut:-

i. **Memelihara Persekutaran Yang Hijau**

Di dalam memacu pembangunan di Petaling Jaya Majlis tidak mengabaikan kepentingan memelihara alam sekitar yang bersih dan menyihatkan. Usaha diteruskan dengan mengurus kawasan landskap demi kepentingan persekitaran hijau bagi kelangsungan hidup manusia sejagat. Peruntukan sebanyak RM18.0 juta dikekalkan bagi tahun 2019 untuk menyelenggara kawasan landskap yang komprehensif meliputi penyelenggaraan pokok teduhan, pemotongan rumput dan pembersihan serta melupuskan sampah kebun di taman awam dan kawasan lapang. Perkhidmatan penyelenggaraan landskap yang berkesan akan mengekal dan meningkatkan suasana kehijauan bandar Petaling Jaya yang mendamai dan menyihatkan penghuninya.

Taman-taman awam yang bersih tidak akan bermakna sekiranya air tasiknya berbau dan tidak menyenangkan pengunjung. Untuk mengatasi masalah ini, sebanyak RM200,000 diperuntukkan untuk penyelenggaraan sistem *aerator* yang berfungsi untuk membekalkan bekalan oksigen ke dalam air bagi keperluan hidupan akuatik dan seterusnya mengurangkan

masalah bau busuk akibat daripada penguraian bahan organik di dalam tasik tersebut.

ii. Menjaga Kemudahan Riadah Berkeadaan Baik dan Selamat

Majlis amat menggalakkan amalan gaya hidup sihat di kalangan penduduknya. Oleh itu, Majlis akan menyediakan persekitaran sihat melalui penyediaan ruang dan peluang untuk mereka beriadah di kawasan lapang di sekitar kediaman mereka. Peruntukan berjumlah RM7.0 juta disediakan antaranya untuk menaiktaraf Taman Jaya, menaiktaraf 10 kawasan lapang serta menyiapkan kerja menaiktaraf Laman MBPJ dan Taman Bandaran Kelana Jaya. Selain dari itu, Majlis juga akan memastikan perabot dan kemudahan yang sediada dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan. Bagi tujuan tersebut sebanyak RM3.3 juta diperuntukkan untuk kerja-kerja penyelenggaraan *hardscape*. Kerja-kerja pembaikan juga akan dilaksanakan berdasarkan penemuan di tapak atau aduan daripada pengguna. Jabatan telah mensasarkan ‘kosong aduan’ dengan bertindak proaktif untuk membaiki kerosakan sebelum aduan diterima.

iii. Memelihara Keindahan Kawasan Petaling Jaya

Tumpuan program landskap tidak hanya diberikan kepada kawasan lapang sahaja, peruntukan sebanyak RM450,000 bagi mengindahkan

laluan di Jalan Othman, Petaling Jaya dan sebahagian laluan di Jalan Selangor sebagai melengkapkan projek penghijauan perkhidmatan Stesen Bas yang baru di Jalan Othman.

iv. **Meneruskan Pembudayaan Landskap**

Majlis tidak akan berjaya untuk mentransformasi bandar Petaling Jaya tanpa komitmen dan penglibatan warganya. Apa jua kemudahan yang disediakan tetap ada yang tidak menghargai dan perbuatan vandalisma amat sukar untuk dihindarkan sepenuhnya. Oleh itu, peruntukan sebanyak RM250,000 disediakan bagi program Pembudayaan Landskap bersama komuniti. Peruntukan ini disediakan bagi menggalakkan penglibatan masyarakat dan meningkatkan kesedaran berkaitan landskap melalui program Kebun Kita dan Program Kawasan Lapang Angkat yang telah mendapat tempat di kalangan penduduk semenjak tahun 2017.

Majlis akan membangunkan taman berkonsepkan “*People’s Park*” di lima (5) kawasan rezab taman rekreasi Urban Park di Damasara Damai yang merangkumi keluasan 48.54 ekar secara komprehensif dan “*interconnected*” bagi menampung keperluan aktiviti riadah dan rekreasi. Cadangan ini selaras dengan arahan Menteri Besar kepada semua PBT untuk melaksanakan kerja-kerja penambahbaikan kemudahan awam dan riadah kepada pembangunan taman rekreasi dengan mengenalpasti

kawasan yang bersesuaian bagi membangunkan “*urban green lungs*” untuk meningkatkan “*liveability*” dan fasiliti kepada rakyat semasa pembentangan Belanjawan 2018 Negeri Selangor pada 30 November 2017. Pembangunan taman ini akan melibatkan pandangan penduduk sekitar dalam memberikan idea dan cadangan semasa di peringkat perancangan seperti kaedah pembangunan di *PJKita i-Play Park*. Sejumlah RM250,000 diperuntukan untuk mendapatkan khidmat konsultansi bagi menyediakan pelan induk pembangunan landskap “*People’s Park*” tersebut.

5. STRATEGI BAJET 2019

Bajet Majlis tahun 2019 Majlis telah dirangka berlandaskan kepada strategi-startegi seperti berikut :-

5.1 Hasil Cukai Taksiran adalah berdasarkan kepada:-

- i. Tambahan pegangan harta baru pada tahun 2019.

Tambahan kutipan hasil cukai juga selain daripada kutipan Caj Pemajuan melalui Akaun Amanah dijangka akan dapat diperolehi daripada KWASA Damansara setelah Rancangan Kawasan Khas (RKK) bagi kawasan ini yang lama tertangguh diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN)

- ii. Pengubahsuaian keluasan dan kegunaan ruang lantai

Nilaian tahunan dan kadar cukai taksiran tidak dinaikkan dan tidak berubah.

- 5.2 Hasil Bukan Cukai adalah berdasarkan kepada punca hasil sediada. Penyediaan bajet bagi kategori kutipan Hasil Bukan Cukai adalah berdasarkan kepada prestasi kutipan sebenar pada tahun 2018. Bagi kutipan hasil lesen, denda dan kompaun, fee dan caj adalah sama seperti tahun 2018.
- 5.3 Perbelanjaan Pembangunan bagi mana-mana projek/kerja pembangunan yang melibatkan kemudahan untuk penduduk pada tahun 2019 akan ditampung melalui peruntukan Akaun Amanah Majlis yang telah dinyatakan secara khusus di dalam Surat Ikatan Amanah sewaktu penubuhannya. Jumlah perbelanjaan di dalam Akaun/Tabung Amanah adalah setakat kutipan yang diterima oleh Majlis sahaja.
- 5.4 Penyediaan Bajet adalah mengikut kaedah *Modified Budgeting System* (MBS). Peruntukan Dasar Sediada tidak melebihi batas yang telah ditetapkan. Amaun Perbelanjaan Mengurus adalah ditampung oleh hasil yang dijangka dikutip manakala sebahagian Perbelanjaan Pembangunan akan ditampung oleh peruntukan melalui Akaun Amanah dan rizab Majlis. Kelulusan Peruntukan Dasar Baru dan *One Off* adalah bergantung kepada keperluan.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

6. CADANGAN BAJET 2019

6.1 Cadangan Bajet 2019 adalah seperti berikut:

	2018 RM	Agihan Belanja (%)	2019 RM	Agihan Belanja (%)	Tambah/ (Kurangan)	
					RM	%
Hasil	420,664,470		399,061,240		(21,603,230)	(5.14%)
Perbelanjaan Mengurus	347,754,060	71.08%	325,725,150	74.65%	(22,028,910)	(6.33%)
Perbelanjaan Pembangunan	141,502,410	28.92%	110,591,920	25.35%	(30,910,490)	(21.84%)
Jumlah Perbelanjaan	489,256,470	100.00%	436,317,070	100.00%	(52,939,400)	(10.82%)
(Defisit)	(68,592,000)		(37,255,830)		31,336,170	
Peratusan	(16.31%)		(9.34%)			

Nota : Kedudukan Rizab Tunai bersih Majlis setakat 31 Ogos 2018 adalah berjumlah **RM187,889,697.07**.

Cadangan Bajet 2019 menunjukkan peratus *defisit* yang dicadangkan adalah lebih rendah berbanding tahun 2018 iaitu daripada 16.31% atau RM68.59 juta kepada 9.34% atau RM37.26 juta. Bagi Bajet tahun 2019, Majlis telah menetapkan untuk mengurangkan defisit bajet separuh daripada defisit pada tahun 2018. Ini adalah bagi memastikan rizab tunai Majlis berada di dalam keadaan yang stabil.

7. HASIL

7.1 Punca hasil Majlis adalah seperti berikut:

Butiran	2018 RM	2019 RM	Tambah	
			RM	%
Hasil Cukai	255,000,000	273,000,000	18,000,000	7.06%
Hasil Bukan Cukai	130,950,520	116,751,540	(14,198,980)	(10.84%)
*Terimaan Bukan Hasil	34,713,950	9,309,700	(25,404,250)	(73.18%)
